

30/03/2002

Penyertaan Bumiputera dalam agihan kekayaan negara meningkat

SHAH ALAM, Jumaat - Penyertaan Bumiputera dalam pengagihan kekayaan negara kini meningkat 10 kali ganda atau 1,000 peratus, iaitu daripada cuma dua peratus pada 1970 kepada hampir 20 peratus sekarang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, ini adalah hasil perjuangan kerajaan Barisan Nasional (BN) yang mahukan kekayaan negara diagihkan sama rata di kalangan rakyat pelbagai kaum dengan keutamaan diberi kepada golongan miskin seperti Bumiputera.

"Dulu penyertaan asing daripada kekayaan ekonomi negara kita adalah 60 peratus dan kaum Cina pula 30 peratus. Sekarang jurang agihan kekayaan negara kita tidaklah begitu besar sangat.

"Kita berhasrat untuk mengembangkan ekonomi supaya kaum yang ketinggalan akan mendapat lebih. Kita tidak berhajat untuk merampas hak orang kaya untuk diberi kepada yang miskin seperti amalan sosialis dan komunis.

"Kita di Malaysia ini tak buat macam itu. Yang kaya boleh tingkatkan lagi kekayaan mereka tetapi kita juga bantu yang miskin dan kita sedikit sebanyak sudah berjaya dalam hal ini," katanya ketika merasmikan Konvensyen Barisan Nasional (BN) Selangor di sini hari ini.

Kira-kira 5,000 wakil parti komponen BN menghadiri konvensyen sehari itu. Turut hadir, Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat, Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Naib Presiden Umno, Tan Sri Mohd Muhamad Taib dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohd Khir Toyo.

Ketibaan Dr Mahathir di Kompleks Belia dan Kebudayaan Negeri Selangor di Seksyen 7 sebelum itu, diiringi 700 motosikal yang ditunggangi ahli Pemuda BN Selangor.

Suasana majlis itu turut bertambah meriah apabila Mohamed Rahmat mengetuai acara nyanyian lagu BN berikutan pita rakaman tidak dapat dimainkan berikutan masalah teknikal.

Pada majlis itu, Perdana Menteri juga melancarkan Buletin BN Selangor. Beliau kemudian mengadap Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah di Istana Bukit Kayangan Shah Alam, diikuti majlis santapan tengah hari dan solat Jumaat di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Diminta mengulas mengenai ucapannya dalam sidang akhbar kemudian, Dr Mahathir berkata keinginan menjadi cepat kaya di kalangan beberapa orang tertentu menghalang usaha kerajaan mencapai hasrat mengagihkan kekayaan secara adil kepada pelbagai kaum.

"Apabila kita berikan sesuatu kepada mereka, mereka jual kepada orang lain. Dapat saham pun jual kat orang. Ini yang jadi masalah," katanya.

(END)